

KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN DAN INDIVIDU BUKAN PEGAWAI KERAJAAN/ PESARA (PENSYARAH/PENCERAMAH/FASILITATOR BEBAS) DI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

**ARAHAN BAHAGIAN KEWANGAN BIL. 1/2024
(ABK 1/2024)**

KANDUNGAN

**PENETAPAN PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT
BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN
FASILITATOR SAMBILAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN DAN INDIVIDU BUKAN
PEGAWAI KERAJAAN/ PESARA (PENSYARAH/PENCERAMAH/FASILITATOR
BEBAS) DI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA**

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. KADAR BAYARAN PENSYARAH/PENCERAMAH/FASILITATOR SAMBILAN ..	2
4. PERATURAN DAN KAWALAN DALAMAN	4
5. PELAKSANAAN	5
6. TARikh KUAT KUASA	5

PENETAPAN PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN BAGI PEGAWAI KERAJAAN DAN INDIVIDU BUKAN PEGAWAI KERAJAAN/ PESARA (PENSYARAH/PENCERAMAH/FASILITATOR BEBAS) DI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Arahan Bahagian Kewangan (ABK) ini bertujuan untuk menetapkan peraturan dan kadar mengenai bayaran saguhati (pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan) kepada pegawai Kerajaan dan individu bukan pegawai Kerajaan/ Pesara yang memberi syaran/ceramah atau sebagai fasilitator secara sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian Pertahanan. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar bayaran pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan ini adalah selaras dengan arahan kawalan dalaman Kementerian, pekeliling dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa seperti berikut:
- a. Pekeliling Perbendaharaan WP 1.8 - Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan.
 - b. Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bilangan 2 Tahun 2007(A) - Peraturan Mengenai Kadar dan Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah dan Fasilitator Sambilan Angkatan Tentera Malaysia.
 - c. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 19 Tahun 2002 - Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan.
 - d. Pekeliling Perbendaharaan WP 10.9 - Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan (Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2021).
 - e. Surat Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik KP/DASAR/P/D10/2021 (12) bertarikh 10 Februari 2021 – Tapisan Jemputan Penceramah Luar Bagi Program-Program Anjuran Kementerian Pertahanan.

- f. Minit Bebas MOD/CKK/BK.100-15/1/1 Jld 2 (26) bertarikh 8 April 2021 - Permohonan Kelulusan Secara *Blanket* bagi Kadar Bayaran/Perbelanjaan dan Penetapan Pihak Berkuasa Melulus bagi Perolehan yang Melibatkan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan Di Kementerian Pertahanan.
- g. Minit Bebas MOD.400-1/10/16 (31) bertarikh 9 Oktober 2023 – Cadangan Kawalan Dalaman Bagi Peketiling Perbendaharaan WP1.8 Peraturan Mengenai Kadar-Kadar dan Syarat-Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pensyarah/Penceramah dan Fasilitator Sambilan Di Kementerian Pertahanan Malaysia.
- 2.2 Penetapan kadar ini adalah sebagai sumber rujukan bagi memastikan kadar bayaran melibatkan kepakaran khusus kepada pegawai awam dan individu bukan pegawai awam dalam program rasmi Kerajaan dapat dilaksanakan dengan teratur serta meningkatkan produktiviti sektor awam.

3. KADAR BAYARAN PENSYARAH/ PENCERAMAH/ FASILITATOR SAMBILAN

3.1 Pegawai Awam

Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

3.2 Angkatan Tentera (ATM)

Semua anggota ATM yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan Setaraf	Pangkat Pegawai/ Anggota ATM	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
		Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	Mej Jen setaraf dan ke atas	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional	Brig Jen setaraf	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
	Kol - Mej setaraf	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
	Kapt – Lt Muda setaraf	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	PW1 setaraf dan ke bawah	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

3.3 Individu Bukan Pegawai Kerajaan/ Pesara

Kadar bayaran kepada penceramah/pensyarah atau fasilitator yang bukan pegawai Kerajaan/ Pesara adalah seperti berikut:

Kelayakan Akademik	Kadar Bayaran Saguhati	
	Pensyarah/ Penceramah	Fasilitator
Diploma/Sijil	RM100.00 sejam	RM50.00 sejam
Sarjana Muda	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam
Sarjana	RM300.00 sejam	RM150.00 sejam
Doktor Falsafah	RM400.00 sejam	RM200.00 sejam

4. PERATURAN DAN KAWALAN DALAMAN

- 4.1 Penceramah/ Fasilitator sambilan dari Bahagian yang menganjurkan kursus tidak layak menuntut bayaran saguhati penceramah kerana pegawai-pegawai tersebut dianggap **sebahagian daripada urus setia dari Bahagian sendiri yang menganjurkan program**.
- 4.2 Walau bagaimanapun, bayaran saguhati penceramah boleh dibuat kepada penceramah/ fasilitator sambilan dari Bahagian sama yang menganjur kursus dalam keadaan berikut:
 - Bagi pegawai yang **mempunyai kemahiran/ pengetahuan/ kepakaran khusus yang tidak berkaitan dengan tugas hakiki semasa (fungsian tugas semasa)**, bayaran saguhati penceramah/ fasilitator sambilan boleh **dipertimbangkan** walaupun penceramah/ fasilitator sambilan dari Bahagian yang sama yang menganjur kursus dengan syarat **bukan dari unit yang menganjur kursus**. Ianya bertujuan bagi menggalakkan perkongsian ilmu di kalangan pegawai-pegawai yang mempunyai kemahiran atau pengetahuan khusus dalam bidang tertentu.
- 4.3 Bayaran saguhati layak dituntut **minimum satu jam dan tambahan masa mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap**. Seorang penceramah sahaja yang layak menuntut tuntutan penceramah bagi satu masa dan dibantu oleh fasilitator.
- 4.4 Kelulusan bayaran bagi pensyarah/penceramah atau fasilitator sambilan yang melibatkan pegawai Kerajaan adalah **di bawah tanggungjawab Ketua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing serta tidak perlu dikemukakan untuk kelulusan Cawangan Kelulusan Kewangan, Bahagian Kewangan**.
- 4.5 PTJ hendaklah bertanggungjawab memastikan kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati kepada penceramah dan fasilitator sambilan berdasarkan WP1.8 / PMAT Bil. 2 Tahun 2007(A) dan arahan kawalan dalaman Kementerian, pekeliling dan peraturan kewangan semasa dipatuhi sepenuhnya.
- 4.5 Jemputan pensyarah/penceramah/fasilitator luar bagi individu bukan pegawai Kerajaan perlu dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS), Kementerian Pertahanan terlebih dahulu untuk tapisan dan pengesahan. Garis panduan tapisan penceramah luar di Kementerian Pertahanan adalah seperti di Lampiran 1.

4.6 Permohonan yang masih memerlukan kelulusan khas Cawangan Kelulusan Kewangan, Bahagian Kewangan adalah seperti berikut:

- a. Lantikan perkhidmatan latihan menggunakan syarikat swasta/ Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau yang berkaitan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PP/PK2.16: Tatacara Perolehan Perkhidmatan Pengendalian Kursus dan Latihan atau PP/PK7.3: Penyertaan Latihan yang Dianjurkan Oleh Agensi Kerajaan atau Syarikat Swasta.
- b. Perkhidmatan kepakaran bagi individu atau kumpulan daripada kalangan bukan pegawai Kerajaan yang melebihi kadar yang ditetap dalam ABK 1/2024 dan melibatkan kelulusan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan WP. 10.9: Penetapan Kadar dan Perolehan Perkhidmatan Kepakaran Daripada Kalangan Bukan Pegawai Awam Dalam Program Rasmi Kerajaan (Kuat Kuasa Pada 15 Januari 2021).

5. PELAKSANAAN

5.1 Arahan Bahagian Kewangan ini hendaklah dibaca bersama lain-lain pekeliling dan peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

6. TARIKH KUAT KUASA

6.1 Pelaksanaan Arahan Bahagian Kewangan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2024.


Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Kewangan

Kementerian Pertahanan

Tarikh: 17 Januari 2024



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF DEFENCE MALAYSIA)
WISMA PERTAHANAN
JALAN PADANG TEMBAK
50634 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

ROLIO /2
Telefon : 603-8000 8000
Portal Rasmi : www.mod.gov.my
E-mel : portal@mod.gov.my

KP/DASAR/P/D10/2021 (12)

10 Februari 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan,

TAPISAN JEMPUTAN PENCERAMAH LUAR BAGI PROGRAM-PROGRAM ANJURAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana pihak tuan sedia maklum, Kementerian Pertahanan dari semasa ke semasa menganjurkan program-program yang melibatkan jemputan penceramah luar. Dalam hal ini, YB Menteri Kanan Pertahanan berpandangan bahawa penceramah luar yang dijemput hendaklah diteliti agar bersesuaian dengan hala tuju dan dasar semasa Kementerian, khususnya dan Kerajaan amnya.
3. Sehubungan dengan itu, sebarang jemputan yang melibatkan penceramah luar bagi program-program di bawah Kementerian Pertahanan perlu dikemukakan kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) terlebih dahulu untuk tujuan pengesahan. Kerjasama pihak tuan adalah diperlukan untuk menjaga nama baik Kementerian Pertahanan.
4. Perhatian pihak tuan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AHMAD NADZRI BIN MOHD HASSAN)

PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA



SENARAI EDARAN:

Ketua Pengarah STRIDE

Ketua Pengarah JHEV

Ketua Eksekutif MiDAS

Setiausaha-Setiausaha Bahagian

SALINAN KEPADA:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan**

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat Menteri Pertahanan**

**Setiausaha Sulit Kanan
Pejabat Timbalan Menteri Pertahanan**

GARIS PANDUAN TAPISAN PENCERAMAH LUAR DI KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur permohonan tapisan bagi penceramah-penceramah luar yang dijemput untuk menyampaikan ceramah di Bahagian/ Jabatan di Kementerian Pertahanan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Penglibatan orang awam serta perolehan perkhidmatan kepakaran individu atau kumpulan daripada kalangan bukan pegawai awam sebagai penceramah / fasilitator telah menjadi satu keperluan di Agensi Kerajaan.
- 2.2. Walau bagaimanapun, terdapat keperluan bagi memastikan bahawa orang awam yang dijemput adalah benar-benar memenuhi keperluan yang ditetapkan agar objektif program tercapai di samping selaras dengan hala tuju kementerian.
- 2.3. Bagi memastikan pemilihan penceramah luar dilaksanakan secara teratur, garis panduan ini dikeluarkan sebagai sumber rujukan kepada semua bahagian dan agensi di bawah Kementerian Pertahanan.

3. TAKRIFAN

- 3.1. "Penceramah luar" adalah ditafsirkan penceramah yang bukan pegawai dalam mana-mana perkhidmatan awam sebagaimana diperuntukkan di bawah Perkara 132(1) Perlembagaan Persekutuan.
- 3.2. "Majlis/acara rasmi Kerajaan" merujuk kepada mesyuarat/persidangan/konvensyen yang diadakan di peringkat Antarabangsa/ Kebangsaan/ Kementerian/ Jabatan, program meraikan pelawat iaitu orang kenamaan atau rombongan rasmi dari dalam atau luar Negara yang diakui terwajib diraikan secara rasmi berkaitan dengan urusan Kerajaan, acara pelancaran atau perasmian serta penutup sesuatu projek/pertandingan oleh Kementerian/Jabatan; dan

- 3.3. "Latihan" adalah ditafsirkan sebagai proses perkongsian ilmu dan kemahiran bertujuan menambah pengetahuan, kompetensi dan sikap yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan serta tuntutan semasa sesebuah organisasi. Ia meliputi konvensyen, kursus, bengkel/retreat, makmal (lab), seminar/taklimat, kolokium, forum, simposium, lawatan rasmi/korporat/sambil belajar, klinik kaunseling dan program lain yang memenuhi definisi latihan.

4. PROSEDUR PERMOHONAN TAPISAN PENCERAMAH LUAR

- 4.1. Prosedur permohonan tapisan penceramah luar ini adalah terpakai kepada jemputan penceramah luar yang bukan penceramah dari kalangan kakitangan Kerajaan.
- 4.2. Kategori penceramah luar yang perlu dikemukakan kepada Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik (BDPS) adalah seperti berikut:
- (a) penceramah bukan kakitangan Kerajaan dan tidak pernah memberikan ceramah di Kementerian Pertahanan; dan
 - (b) penceramah bukan kakitangan Kerajaan yang mempunyai latar belakang yang boleh menimbulkan isu-isu sensitiviti seperti politik dan perkauman.
- 4.3. Pengurusan tapisan penceramah yang merupakan kakitangan kerajaan dan penceramah luar selain daripada yang dinyatakan di Perenggan 4.2 adalah di bawah tanggungjawab Bahagian/ Jabatan masing-masing.
- 4.4. Pengajur perlu mengemukakan permohonan tapisan penceramah luar kepada BDPS sebelum program dilaksanakan. Permohonan tersebut hendaklah mengandungi maklumat berikut:
- (a) Maklumat program dan penceramah seperti di Lampiran A; dan
 - (b) *Curriculum vitae (CV)* penceramah.
- 4.5. Pengajur hendaklah memastikan bahawa maklumat penceramah telah diteliti terlebih dahulu sebelum mengemukakan permohonan tapisan penceramah luar kepada BDPS. Pengajur juga perlu memastikan pengalaman/ kepakaran penceramah yang dipilih adalah bersesuaian dengan tajuk ceramah yang akan disampaikan.
- 4.6. BDPS akan mempertimbang permohonan yang dikemukakan dan keputusan tapisan penceramah luar akan dimaklumkan melalui surat rasmi kepada pengajur.

Lampiran A

**SENARAI PERAKUAN JEMPUTAN PENCERAMAH LUAR OLEH
JAWATANKUASA PENILAIAN JEMPUTAN PENCERAMAH LUAR KEMENTERIAN PERTAHANAN**


Bil.	Tajuk Program/ Ceramah	Tarikh Program	Tempat/ Platform Online	Nama Penceramah	Maklumat Penceramah		
					No. Tel dan Emel	Agenzi dan Jawatan	Kelayakan Akademik/ Kepakaran bersesuaian dengan tajuk ceramah
1.							Pernah memberikan ceramah di MinDef (Ya/ Tidak)
2.							
3.							

Adalah disahkan bahawa semua butiran yang dinyatakan adalah lengkap dan teratur

(Disediakan Oleh)
Nama
Jawatan:
Bahagian /Markas/Agensi
Tarikh

(Disahkan Oleh)
Nama
Jawatan
Bahagian /Markas/Agensi
Tarikh

CARTA ALIR PERMOHONAN KELULUSAN TAPISAN LUAR PENCERAMAH



CARTA ALIR PEMPROSESAN PERMOHONAN KELULUSAN PENCERAMAH LUAR DI PERINGKAT BDPS

